

03 NOV 2003

IRCON-KERETA API/I

IRCON BAWA ISU KONTRAK KERETA API KEPADA KERAJAAN MALAYSIA

Oleh: Mahash Prasad

NEW DELHI, 3 Nov (Bernama) -- Indian Railways, yang tidak menerima kontrak kereta api bernilai AS\$3.4 Bilion (AS\$1=RM3.80) di Malaysia, walaupun surat hasrat (LoI) telah dikeluarkan kepada IRCON, telah membawa isu itu kepada kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri India.

New Delhi kini sedang mengadakan dialog dengan Perdana Menteri baru Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mengambil alih daripada Tun Dr Mahathir Mohammad pada hari Jumaat, pengerusi railway board dan IRCON, R.K. Singh dilaporkan sebagai memberitahu akhbar harian perniagaan, the Financial Express.

Duta India ke Malaysia, Veena Sikri kini sedang berunding dengan kerajaan Malaysia mengenai isu itu dan telah berdialog dengan Abdullah sebelum mengambil alih sebagai Perdana Menteri.

Sikri mengadakan pertemuan dengan Singh di New Delhi pada 30 Okt untuk membincangkan isu itu.

Mengenai dakwaan kerajaan Malaysia bahawa mereka memilih syarikat tempatan yang menawarkan harga lebih murah berbanding pihak India dan China, Singh berkata, adalah tidak wajar baginya membuat komen mengenai tawaran syarikat Malaysia.

"Kami telah memberi tawaran terbaik bergantung kepada kenyataan keperluan mereka," katanya.

Katanya, kontrak itu hanya boleh ditawarkan kepada syarikat lain selepas pembatalan LoI itu.

Kontrak telah ditawarkan kepada konsortium tempatan Gamuda Bhd dan Malaysian Mining Corporation.

India akan mengimport minyak sawit bersamaan nilai kontrak itu, kata seorang pegawai.

Satu daftar jualan minyak sawit kepada India telah dibuka dalam Jan kerana pembayaran bagi kontrak itu akan dibuat dalam bentuk minyak sawit, seorang pegawai dilaporkan berkata.

Pembayaran minyak sawit untuk kontrak itu akan dibuat dalam tempoh lima tahun. Minyak sawit merupakan 75 peratus daripada keseluruhan import minyak makan India yang berjumlah AS\$1.8 bilion. -- BERNAMA

MP MAD KTC AHM